LATIHAN RUMUSAN

Bahan 1

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat **satu rumusan** yang panjangnya tidak melebihi **120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan nyat anda sendiri tonpa mengubah maksud asal dan bahan.*

Mengapakah masyarakat sekarang gemar melayari internet dan menyertal laman sosial? Tahukah anda bahawa laman sosial tidak hanya sekadar untuk bersosial dengan kawan-kawan? Terdapat, banyak kegunaan yang akan diperoleh melalul laman sosial yang ada dalam internet. Laman sosial ini dapat memberikan peluang dan pengalaman yang berguna jika pandai menggunakan kelebihan yang ada bak kata bidalan, "sambal menyelam minum air". Antara lama sosial yang terkenal di internet lalah Facebook. Facebook ditubuhkan oleh Mark Zuckerberg, Eduardo Saverin, Dustin Moskovitz dan Chris Hughes kefika mereka masih belajar di Universitii Cambridge. Facebook mula beroperasi pada bulan Februari 2004. Walaupun muncul pesaing terdekat laitu Twitter, laman sosial ini tetap menjadi pilihan pelbagal lapisan masyarakat terutamanya remaja.

Melalui system ini, masyarakat boleh mencipta ruangan khas untuk kegunaan perniagaan, menubuhkan kelab dan sebagainya. Facebook juga membolehkan pelayarnya memulakan perniagaan siber secara mudah, jimat dan berkesan. Caranya amat mudah kerana hanya dengan mendaftarkan diri sebagai ahli Facebook, anda berkelayakan untuk memulakan satu atau lebih ruangan khas untuk perniagaan. Cara ini amat menjimatkan kerana anda tidak mengeluarkan sebarang perbelanjaan seperti Amazon dan E-Bay, malahan ternyata berkesan kerana apabila anda memulakan satu ruangan khas perniagaan, semua orang dalam senerai kawan anda dapat mengetahui produk yang anda jual. Secara tidka langsung, produk anda dikenali tanpa menggunakan khidmat iklan berbayar.

Selain itu, produk yang boleh dipasarkan melalui Facebook tidak terbatas kepada satu jenis produk sahaja. Banyak produk yang telah dipasarkan melalui Facebook dan telah terbukti keberkesanannya. Antara perniagaan melalui laman social yang berjaya termasuklah penjualan permainan yang dilakukan oleh Toy Malaysia dan Toy Wizard. Kepentingan seterusnya ialah aktiviti berniaga melalui laman social bukan hanya membantu anda mendapat pendapatan sampingan, malahan dapat membantu anda mengenali dunia perniagaan moden yang lebih mengutamakan pengeluaran dan mengurangkan perbelanjaan. Pililhah satu produk yang anda minati dan ceburilah bidang perniagaan dengan cara yang bijak.

Perniagaan bukan sahaja menjadi keutamaan dalam laman social Facebook. Melalul laman social ini juga, anda berpeluang untuk menyertai aktiviti siber yang menyeronokkan dan berfaadah. Mengapakah Facebook berguna untuk anda? Aktiviti yang terdapat dalam Facebook dapat membantu anda menerokai minat yang ada. Bukan sekadar hobi semata-mata, malahan Facebook mempu menjadi pendorong kepada anda untuk melibatkan diri secara professional dalam pelbagai bidang.

Bahan 2 **FACEBOOK**



LIVEWORKSHEETS